


| | |
|--------------|--|
| Headline | Sarawak terus dahului jumlah kutipan pingat |
| Date | 06. May 2008 |
| Media Title | Utusan Malaysia |
| Section | Sukan |
| Circulation | 238082 |
| Readership | 833287 |
| Language | MALAY |
| Page No | 30 |
| Article Size | 238 cm² |
| Frequency | Daily |
| Color | Full Color |



Sarawak terus dahului jumlah kutipan pingat

KUALA LUMPUR - Sarawak mengungguli Sukan Paralimpiad Malaysia ke-14 bagi hari ketiga selepas mengungguli pungutan pingat mendahului kontinjen negeri lain.

Juara bertahan bagi kejohanan sukan dwi tahunan untuk golongan orang kurang upaya (OKU) itu setakat ini mengumpul 10 pingat emas, 11 perak dan enam gangsa.

Sementara itu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berada di tangga kedua mengutip tujuh emas, tiga perak dan enam gangsa, manakala Pulau Pinang mengikut rapat dari belakang dengan enam emas, lima perak dan empat gangsa.

Kontinjen Sarawak menuai emas da-

lam acara olahraga yang membuka gelanggang di Stadium Nasional Bukit Jalil, semalam.

Selain itu, mereka juga unggul dalam acara angkat berat dan ping pong yang diadakan di Universiti Putra Malaysia.

Negeri Bumi Kenyalang itu juga dijangka meneruskan pemburuan pingat hari ini apabila acara renang akan membuka tirai. Seperti dijangka, Sarawak menjadi negeri yang sukar dicabar.

Sementara itu, peningkatan juga dapat dilihat melalui beberapa kontinjen lain seperti Wilayah Persekutuan Labuan dan Perlis apabila berjaya memungut emas pada hari ketiga kejohanan.

Selain acara renang dan olahraga yang berlangsung hari ini, bola keranjang berkerusi roda, tenis berkerusi roda, badminton, catur, bola sepak dan boccia turut diadakan di lokasi yang berlainan.

GAYA salah seorang peserta dalam acara lompat jauh dalam Sukan Paralimpiad di Bukit Jalil, semalam.